

# **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN AZMAN BIN MOHD YUSOF  
PENAUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
PERLIS**

**MAJLIS HI TEA KELAB SUKAN DAN  
KEBAJIKAN PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**DI**

**RUANG LEGAR ARAS 1, KOMPLEKS DUN**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalammu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Perlis “Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

YBhg. En Ahmad bin Zakaria, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pengurusan) merangkap Pengerusi Kelab Sukan dan Kebajikan Kebajikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. En Wan Kamarul Faisal bin Wan Kamardin, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit dan seterusnya staf yang dirai sekalian.

Orang mengukur di lembah,

Tanam cili di tepi perigi;

Petang ini sungguh indah,

Dapat kita berjumpa sekali lagi.

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Jawatankuasa Kelab kerana berjaya mengadakan majlis HI TEA ini. Majlis ini merupakan satu tanda penghargaan kepada semua staf suk selaku ahli kelab yang sentiasa komited dalam menyokong segala aktiviti yang telah dan bakal dianjurkan oleh kelab. Selaku penaung, saya ingin

sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas komitmen anda sekalian.

Tahun 2019 meninggalkan kita dengan pelbagai kejayaan yang diperolehi baik di peringkat Pejabat SUK ataupun Kerajaan Negeri amnya.

### **TINGKATKAN KERJASAMA**

Kita sebagai warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis perlu bersama-sama bekerjasama keras bagi memakmurkan rakyat Negeri Perlis dan mengharumkan nama negara secara amnya. Tahun 2020 akan memberikan kita cabaran-cabaran baru dan kita perlu menyambutnya dengan sikap optimistik, kecekalan dan ketabahan demi memenuhi harapan seluruh rakyat negeri ini sebagai jentera penjawat awam. Buanglah dinding lutsinar diantara bahagian/unit di dalam Pejabat SUK Perlis, tingkatkan kolaborasi dan kerjasama strategik secara kolektif. Sikap proaktif, kreatif, dan inovatif harus diamalkan oleh kita dalam melaksanakan setiap dasar dan perancangan yang strategik terutamanya dalam merealisasikan Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan oleh YAB Menteri Besar pada 10 Disember yang lepas. Pada masa yang sama, kita juga harus genggam erat rasa tanggungjawab dalam menjalankan amanah pada setiap ketika.

## **PEMERKASAAN BAHAGIAN/UNIT**

Suka untuk saya sebutkan disini bahawa setiap daripada kita mempunyai potensinya tersendiri. Keengganan serta keangkuhan untuk tidak lebih berusaha untuk memperkembangkan potensi tersebut adalah suatu kerugian.

**Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya orang yang paling berjaya ialah orang yang hari ini lebih baik daripada semalam dan orang yang gagal adalah orang yang hari ini lebih teruk daripada semalam, manakala orang yang terpedaya adalah orang yang hari ini sama dengan hari semalam." (Riwayat Bukhari dan Muslim)**

Kita boleh mengaplikasikan hadith ini di dalam kerja kita seharian. Saya yakin jika kita berusaha untuk memajukan diri sendiri terlebih dahulu, maka satu perubahan berimpak besar akan berlaku bermula daripada Pejabat SUK Perlis ini.

Tuan-tuan, Puan-puan,

### **CABARAN 2020**

Tidak dinafikan penjawat awam pada hari ini ditekan oleh sebilangan netizen yang bermotifkan politik tatkala kita menjalankan tugas dengan sepenuh jiwa raga. Disini ingin saya ingatkan kepada semua, janganlah takut dan kekal utuh berpegang kepada prinsip serta nilai yang tersedia ada dalam memperkukuh dan memperkasa penjawat awam dalam terus melakukan tugas dengan cemerlang.

## **ERA 5G**

Saya tidak mahu ulas kehebatan teknologi 5G yang sudah terbukti kehebatan dan kepentingannya seperti yang diuar-uarkan di luar sana. Namun persoalan saya pada kita semua adalah pada level G berapakah kita sekarang? Daripada sudut kecekapan, 'adaptability', dan tindak balas. Kita tidak perlu berusaha untuk memperbaiki keseluruhan faktor, hanya beberapa sahaja yang memberi kesan besar.

Hang Tuah pergi ke Aceh,  
Misi membawa pelbagai urusan;  
Saya ucap terima kasih,  
Membangun negeri secara berterusan.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.